



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
(Department of Fisheries Malaysia)
KEMENTERIAN PERTANIAN MALAYSIA
& INDUSTRI ASAS TANI
ARAS 1-7, LOT 4G2, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62628 PUTRAJAYA
<http://agrolink.moa.my/dof>

Telefon : 03-8870 4000
Telex : KL Fish 28157
Telegram : HEADFISH
Fax (Pentadbiran) : 03-8870 4161
E-mail : hqhelp@dof.moa.my



Prk.ML 10/03/357d-1 ()

25 Februari 2014

SEMUA PENGARAH PERIKANAN NEGERI

Y.H. Dato'/Tuan,

TAMBAHAN SYARAT LESEN VESEL DAN PERALATAN MENANGKAP IKAN

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti Y. H. Dato'/Tuan sedia maklum, Jabatan Perikanan Malaysia telah mengkaji semula Pelan Tindakan Kebangsaan Pemuliharaan Dan Pengurusan Ikan Yu dan telah membentangkan pelan tindakan ini kepada pihak berkepentingan melalui tiga sesi konsultasi di Putrajaya, Semporna, Sabah dan juga Kuching, Sarawak pada tahun 2013. Dalam konsultasi tersebut, isu penyiripan ikan yu (shark finning) telah dibangkitkan oleh beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) khususnya pertubuhan bukan kerajaan dari negeri Sabah.

3. Aktiviti penyiripan ikan yu bermaksud memotong sirip ikan yu untuk dibawa balik ke pangkalan ikan dan badan ikan yu dibuang ke laut selepas aktiviti pemotong ikan yu. Salah satu cadangan dalam pelan tindakan tersebut diatas adalah mengenakan syarat tambahan yang melarang aktiviti penyiripan ikan yu.

4. Sehubungan dengan ini, pohon kerjasama Y.H. Dato' / tuan dipohon untuk mengambil tindakan menyediakan cop tambahan syarat lesen seperti berikut:

TAMBAHAN SYARAT LESEN:

Dilarang melakukan aktiviti penyiripan ikan yu iaitu memotong atau memiliki sirip ikan yu diatas vesel penangkapan ikan.

5. PPN dikehendaki mengecop syarat ini pada semua Buku Lesen Vesel dan Peralatan Menangkap Ikan Zon A, B, C, C2 dan C3.
6. Saiz huruf bagi tambahan syarat lesen diatas hendaklah sama dengan saiz huruf lesen sedia ada dan dicop dimuka surat bahagian syarat-syarat lesen dalam Buku Lesen.
7. Arahan ini hendaklah di laksanakan SERTA MERTA.

Sekian, untuk tindakan Y.H. Dato'/ tuan . Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' AHAMAD SABKI BIN MAHMOOD)
Ketua Pengarah Perikanan Malaysia
Jabatan Perikanan Malaysia
PUTRAJAYA.

s.k

Y. Brs Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

Y. Brs Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Operasi)

Semua Pengarah Bahagian

Ketua Cawangan Perundangan

Semua Ketua Cawangan Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

Semua Pegawai Perikanan/Penolong Pegawai Perikanan/Pembantu Perikanan
Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber